

12 SEP 2001

LIMA-Amerika

AS HANTAR KAPAL PERANG SERTAI SEGMENT MARITIM

LANGKAWI, 12 Sept (Bernama) -- Amerika Syarikat tetap menyertai segmen maritim pada Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 2001) mulai 9 hingga 14 Okt ini walaupun berlaku serangan ke atas kedudukan penting negara itu pada Selasa.

Timbalan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Laksamana Madya Datuk Mohd Ramly Abubakar hari ini berkata negara itu akan menghantar kapal perang USS John Paul Jones ke pameran itu.

"Setakat ini, kapal pemusnah itu yang dilengkapi dengan peluru berpandu dengan sistem pengawasan yang canggih akan menyertai segmen maritim. Saya harap mereka tidak akan menarik balik penyertaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mengenai persiapan segmen maritim di Awana Porto Malai Resort, di sini.

Beliau mengulas serangan ke atas bangunan Pusat Dagangan Dunia di New York dan pejabat pertahanan Amerika, Pentagon di Washington pada Selasa, yang menyebabkan sejumlah besar rakyat negara itu cedera dan terkorban.

Mohd Ramly berkata walaupun pada LIMA 1999 ada negara menarik diri pada saat-saat akhir, beliau berkata setakat ini kira-kira 300 pempamer dari 22 negara termasuk Jerman, Rusia, Itali, Perancis dan India dijangka menyertai segmen itu.

Segmen maritim kali ini juga menyaksikan Ukraine, China, Belgium, Sepanyol dan New Zealand mengambil bahagian buat pertama kalinya di LIMA bagi mempamerkan teknologi pertahanan maritim terbaru masing-masing.

Mohd Ramly berkata 21 panglima tentera laut asing atau wakil mereka dijangka menghadiri segmen maritim diikuti dengan perhimpunan 18 kapal asing di perairan Tanjung Malai sempena pameran itu.

TLDM sendiri akan membawa 20 kapal termasuk KD Jebat dan KD Lekiu selain kapal jenis peronda dan peninjau dalam segmen kali ini.

Beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan maritim termasuk Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Polis Marin dan Jabatan Perikanan turut menyertai pameran itu.

Katanya orang ramai juga berpeluang menyaksikan kapal-kapal yang mengambil bahagian secara dekat kerana penganjur segmen sedang berusaha mengatur jadual untuk membolehkan mereka dibawa menaiki bot ke kapal berkenaan pada pameran kali ini.

"Setakat ini, penganjur masih menunggu maklum balas berhubung perkara itu daripada negara-negara yang mengambil bahagian," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan segmen maritim itu pada petang 9 Okt diikuti melihat pertunjukan di atas laut sebelum melawat armada laut asing yang berlabuh di perairan di Tanjung Malai.

Sementara itu, kerja-kerja menyiapkan tempat pameran bagi segmen maritim di Tanjung Malai sedang rancak dijalankan.

Penganjur segmen menyediakan tapak pameran seluas kira-kira 9,000 meter persegi.

-- BERNAMA

NH NAK